



SEKTOR PERKAPALAN TUNJANG PERTUMBUHAN EKONOMI

PERKAPALAN merupakan aktiviti yang penting kepada ekonomi dunia dan merupakan kaedah pengangkutan yang paling murah berbanding dengan pengangkutan darat dan udara. Sektor perkapalan menyediakan skala ekonomi yang dijana oleh kapal dagangan bersaiz besar yang membolehkan dagangan diangkut dengan jumlah yang banyak pada jarak yang jauh. Tidak hairanlah yang 95 peratus daripada jumlah dagangan dunia diangkut melalui kaedah pengangkutan maritim.

Berdasarkan rupa bentuk Malaysia yang dikelilingi selat dan lautan, tidak hairanlah yang sektor perkapalan merupakan kaedah pengangkutan utama kepada negara. Perkapalan juga menjadi tunjang pertumbuhan dagangan dan ekonomi Malaysia. Kapal dagangan memungkinkan

pelbagai jenis barangan pembuatan dan bahan mentah diangkut keluar dan masuk pelabuhan negara bagi keperluan rakyat serta pelbagai perniagaan dan industri. Dianggarkan 90 peratus daripada jumlah dagangan negara diangkut menggunakan kaedah perkapalan. Kapal juga membolehkan pelbagai aktiviti maritim, seperti pencarian tenaga hidrokarbon, perikanan, pengangkutan penumpang, dan pelancongan dijalankan.

Kedudukan Malaysia bersempadankan laluan perkapalan global yang penting dan sibuk, seperti Selat Melaka dan Laut China Selatan, meletakkannya sebagai pusat persinggahan utama di rantau ini bagi kapal dagangan. Malaysia juga bertuah dengan lokasi strategiknya di Asia Tenggara yang merupakan kawasan pertumbuhan penduduk

dan ekonomi yang paling pesat di dunia. Kedudukannya yang tidak jauh dari wilayah Asia Timur yang melibatkan gergasi ekonomi, seperti China, Jepun, Korea dan Taiwan juga, menjadikan Malaysia tempat persinggahan utama kapal dagangan yang membawa kargo *transshipment*. Dagangan ini menandakan 95 peratus daripada jumlah kendalian kontena di Pelabuhan Tanjung Pelepas di Johor dan 60 peratus daripada jumlah kontena yang diproses di Pelabuhan Klang.


Syarikat perkapalan tempatan memainkan peranan yang penting dalam menggerakkan dagangan negara dan mengangkut barangan dari pelabuhan utama negara ke pelabuhan yang lebih kecil di seluruh negara. Tanpa sektor perkapalan, akan pincanglah dagangan dan ekonomi negara. Pengeluar barangan dan bahan mentah tempatan tidak akan dapat mengeksport hasil mereka ke pasaran antarabangsa. Tanpa perkapalan juga, barangan dan bahan mentah dari luar negara tidak akan sampai kepada pengguna, perniagaan, dan industri tempatan.

Kerajaan memberikan sokongan dan menawarkan pelbagai insentif kepada sektor perkapalan bagi menggalakkan pertumbuhannya serta menarik pelaburan ke dalam sektor yang memerlukan modal besar ini. Antara insentif yang ditawarkan termasuklah pengecualian cukai 100 peratus atas pendapatan yang diperoleh daripada kapal yang didaftarkan di Malaysia serta atas gaji anak-anak kapal yang bekerja di atas kapal tersebut.

Kerajaan juga menawarkan kemudahan pembiayaan khusus kepada syarikat untuk membeli kapal melalui Dana Perkapalan yang diuruskan oleh Bank Pembangunan dan Dana Teroka Perkapalan yang dikelolakan oleh Global Maritime Venture, anak syarikat bank tersebut. Melalui Dasar Kabotaj yang mengkhususkan pengangkutan kargo tempatan kepada syarikat perkapalan tempatan dan pengalihan kontrak oleh Petronas kepada syarikat perkapalan tempatan, kerajaan juga menggalakkan pertumbuhan kapasiti perkapalan tempatan dan membolehkan syarikat seperti MISC bersaing di persada antarabangsa.

Melalui Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, kerajaan menyediakan kerangka perundangan bagi mengawal selia aktiviti perkapalan dagangan di Malaysia untuk memastikan aktiviti dapat dijalankan dengan selamat dan lancar. Kerajaan juga menubuhkan Majlis Perkapalan Kebangsaan sebagai platform bagi membincangkan isu yang berkaitan dengan sektor perkapalan dan menasihati kerajaan mengenai sektor ini. Malaysia juga merupakan ahli Majlis Antarabangsa dalam Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO). Keahlian ini melambatkan komitmen Malaysia sebagai sebuah negara maritim yang mengamalkan amalan terbaik dan meratifikasikan konvensyen antarabangsa dalam bidang perkapalan.

Sokongan sedemikian banyak membantu sektor perkapalan negara



Sektor perkapalan membantu aktiviti perdagangan dan ekonomi negara.

tumbuh dengan pesatnya dalam dekad belakangan ini. Sebelum MISC mengundurkan diri daripada aktiviti dagangan kontena pada tahun lepas, Malaysia tersenarai di tempat ke-20 antara negara yang mempunyai kapasiti dagangan terbesar di dunia pada awal tahun 2012 dengan sumbangan 14.4 juta DWT (*deadweight tonnage*) atau 1.04 peratus kepada jumlah kapasiti kapal dagangan dunia. Hal ini merupakan pencapaian yang membanggakan bagi sebuah negara membangun seperti Malaysia.

Kejayaan Malaysia dalam bidang perkapalan paling menyerlah dengan munculnya MISC Berhad sebagai pemilik dan pengoperasian armada kapal tangki gas asli cecair (LNG) yang terbesar di dunia dari segi kapasiti. MISC kini muncul antara syarikat perkapalan gergasi dunia dalam pengangkutan tenaga dari segi kapasitinya. Beberapa buah syarikat perkapalan tempatan yang berkecimpung dalam sektor minyak dan gas pesisir, seperti Alam Maritim, Bumi Armada, dan ~~Tanjung Offshore~~

juga menyediakan perkhidmatan di persada antarabangsa.

Pertumbuhan pesat sektor perkapalan negara berasaskan beberapa faktor pemacu, pertumbuhan berterusan ekonomi negara dan fokus terhadap sektor pembuatan serta eksport sebagai penjana utama ekonomi; sumber kargo tempatan yang agak besar yang menggalakkan pertumbuhan sektor perkapalan dan pelaburan; lokasi strategik Malaysia di laluan perkapalan antarabangsa dan kawasan pertumbuhan ekonomi yang dinamik; sokongan kerajaan untuk membangunkan sektor maritim dan perkapalan; kebangkitan China sebagai kuasa ekonomi dunia; serta peningkatan aktiviti dagangan di antara Malaysia dengan rakan dagangannya.

Walau bagaimanapun, di balik pertumbuhan sektor ini, Malaysia masih bergantung pada syarikat perkapalan asing untuk mengangkut sejumlah besar dari dagangan antarabangsanya. Hal ini mengakibatkan aliran tukaran wang asing yang besar dan ketidakseimbangan dalam

imbangan pembayaran negara setiap tahun. Kebergantungan terhadap perkhidmatan perkapalan asing paling ketara dalam dagangan kontena, iaitu 95 peratus daripada dagangan antarabangsa negara diangkut oleh kapal asing.

Perkembangan ini merupakan situasi yang tidak sihat yang bukan sahaja mendatangkan kesan negatif kepada kewangan negara, tetapi juga kepada kepentingan dagangan dan ekonomi strategiknya secara keseluruhan. Kita dapat membayangkan betapa buruk kesannya kepada kepentingan ini sekiranya syarikat perkapalan bertindak untuk mengurangkan perkhidmatan mereka di Malaysia. Eksport dan import barangan serta bahan mentah negara akan terganggu dan boleh mendatangkan kesan yang negatif kepada rakyat, perniagaan dan industri.

Pada dasarnya, permintaan terhadap perkhidmatan perkapalan bergantung pada permintaan terhadap barangan pembuatan dan bahan mentah yang diangkutnya. Selagi

Antara isu paling mencabar dalam sektor perkapalan global yang sedang dan bakal menguji Malaysia termasuklah kegawatan ekonomi dunia yang mengurangkan dagangan serta permintaan terhadap perkhidmatan perkapalan.

ekonomi negara dan rakan dagangan kekal tumbuh, sektor perkapalan Malaysia juga akan terus berkembang. Namun demikian, langkah segera perlu diambil bagi memastikan syarikat perkapalan tempatan dapat terus bertahan mengharungi ombak cabaran kegawatan ekonomi dunia dan mengekalkan kapasiti perkapalan yang sedia ada.

Apabila kegawatan ekonomi di negara rakan dagangan utama kita, seperti Amerika Syarikat dan Jepun pulih dan krisis kewangan di zon euro reda, ekonomi dunia akan mula stabil dan tumbuh pada kadar yang lebih tinggi. Malaysia, sebagai antara negara dagangan utama dunia, iaitu yang ke-25 dari segi eksport barangan dan ke-27 dari segi import barangan pada tahun 2011, menurut senarai WTO, akan mendapat manfaat daripada pemulihan ekonomi dunia dan sektor perkapalan juga memperoleh impak positif ekonomi dunia yang tumbuh.

Sementara itu, antara isu paling mencabar dalam sektor perkapalan global yang sedang dan bakal menguji Malaysia termasuklah kegawatan ekonomi dunia yang mengurangkan dagangan serta permintaan terhadap perkhidmatan perkapalan serta limpahan kapasiti kapal dalam pasaran yang menekan pemulihan kadar

frete; kurangnya sokongan institusi kewangan tempatan terhadap sektor perkapalan; kekurangan tenaga kerja terlatih terutamanya dalam bidang teknikal; fokus terhadap usaha mengurangkan kesan tapak karbon dan pelepasan gas rumah hijau dari kapal; dan harga minyak, tarif pelabuhan, serta kos insurans marin yang tinggi yang menaikkan kos operasi syarikat perkapalan.

Cabaran tersebut perlu diatasi bagi membolehkan syarikat perkapalan tempatan terus bertahan pada kala sektor ini sedang dilanda badai kegawatan ekonomi dunia serta membolehkan mereka kekal berdaya saing dalam sektor yang sengit tahap persaingannya ini. Banyak dalam kalangan mereka sedang mengharungi masa yang sangat genting dan ada yang telah pun gulung tikar akibat kegagalan mengharungi badai kegawatan ekonomi yang hebat dan berpanjangan ini.

Mereka mengharapkan sokongan kerajaan untuk terus bertahan dan kekal beroperasi. Bantuan dari segi dana dan modal pusingan dari kerajaan seperti yang diberikan oleh China dan Korea Selatan kepada sektor perkapalan mereka, dapat membantu mengurangkan kesan tekanan kemurungan ekonomi global kini. Syarikat perkapalan tempatan juga mengharapkan sokongan pedagang tempatan, terutamanya syarikat yang dikuasai oleh kerajaan untuk memberikan peluang perniagaan kepada mereka.

Sokongan padu penting untuk diberikan kepada sektor perkapalan negara pada saat yang mencabar ini bagi memastikan kapasiti perkapalan tempatan tidak terus terhakis. Tanpanya, sektor perkapalan negara akan terbantut pertumbuhannya dan Malaysia akan terus bergantung pada syarikat perkapalan asing bagi mengangkut sejumlah besar dagangan antarabangsanya. ~~DE~~